



16 DEC, 2022

Lelaki miliki 38.06 gram syabu dipenjara enam tahun, 10 sebatan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Lelaki miliki 38.06 gram syabu dipenjara enam tahun, 10 sebatan

KUCHING: Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara enam tahun dan 10 sebatan terhadap seorang lelaki dari Bau yang mengaku bersalah memiliki 38.06 gram syabu, Jun lalu.

Hakim Afidah Abdul Rahman memerintahkan hukuman penjara bagi Christopher Rody Sunyi, 28, dikuatkuasakan mulai tarikh dia ditangkap, 22 Jun lalu.

Pemuda itu didakwa melakukan kesalahan terbabit sekitar jam 7 pagi, di sebuah pondok di kawasan kebun Kampung Bogag, Bau, pada 22 Jun lalu.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan polis melakukan serbuan terhadap tertuduh yang berada di dalam pondok tersebut susulan dia disyaki terlibat dalam aktiviti dadah.

Tertuduh cuba melarikan diri namun berjaya ditahan polis.

Pemeriksaan dilakukan di dalam pondok sehingga membawa kepada penemuan barang kes, iaitu satu paket plastik lutsinar berisi bahan kristal putih disyaki dadah berbahaya.

Barang kes seterusnya dihantar ke Jabatan Kimia

Malaysia untuk analisis dan pemeriksaan lanjut.

Laporan Kimia diterima pada 24 Ogos lalu melaporkan bahawa barang kes mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) dengan berat bersih 38.06 gram.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(2) Akta sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Sabit kesalahan, boleh dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup atau hukuman penjara tidak kurang daripada lima tahun dan boleh disebat dengan sebatan tidak kurang daripada 10 sebatan.

Terdahulu sebelum dijatuhkan hukuman, tertuduh merayu agar dikenakan hukuman penjara paling minimum dan memaklumkan mahkamah dia menghidap penyakit tuberkulosis atau tibi dan HIV positif.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam itu juga berjanji tidak akan mengulangi perbuatan serupa.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Aiman Muttalib Mohamad Shariff.



BERSALAH: Tertuduh (kanan) berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching semalam, selesai dijatuhkan hukuman.



16 DEC, 2022

Lelaki miliki 38.06 gram syabu dipenjara enam tahun, 10 sebatan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara enam tahun dan 10 sebatan terhadap seorang lelaki dari Bau yang mengaku bersalah memiliki 38.06 gram syabu, Jun lalu. Hakim Afidah Abdul Rahman memerintahkan hukuman penjara bagi Christopher Rody Sunyi, 28, dikuatkuasakan mulai tarikh dia ditangkap, 22 Jun lalu. Pemuda itu didakwa melakukan kesalahan terbabit sekitar jam 7 pagi, di sebuah pondok di kawasan kebun Kampung Bogag, Bau, pada 22 Jun lalu.